


MELERAI KERUMITAN DEMI KEJELASAN



PRESTASI


Nilai Bersih Portfolio Berganda Sepanjang Dekad

Meningkat secara berterusan walaupun menghadapi volatiliti — portfolio yang menghasilkan pulangan mampan yang baik dalam jangka masa panjang




Portfolio Dibina untuk Daya Tahan dan Kerelevanan Strategik

Bertapak kukuh di Singapura, dikerahkan secara global untuk merebut peluang merentasi pasaran dan kitaran



Prestasi Asas yang Kukuh Dalam Keadaan Volatiliti Pasaran dan Mata Wang

Semasa tempoh volatiliti pertukaran asing, pelaporan pulangan berdasarkan asas mata wang tetap boleh memberikan gambaran yang lebih jelas tentang prestasi teras. Berdasarkan asas mata wang tetap, Jumlah Pulangan kepada Pemegang Saham (TSR) setahun kami sepatutnya 12.9%, berbanding dengan 10.5% dalam nilai SGD dan 14.8% dalam nilai USD.



Nilai Bersih Portfolio (NPV)

\$S\$518b^{*3,4}

Meningkat \$S\$256b
sepanjang 10 tahun yang lalu

Peralihan sepenuhnya kepada pelaporan berasaskan nilai pasaran semasa (MTM) untuk pandangan yang lebih representatif tentang nilai, risiko dan volatiliti portfolio kami, di samping menyokong pembuatan keputusan yang lebih baik serta menyelaraskan kami dengan rakan setara global

Membina demi Daya Tahan, Pelaburan dengan Keyakinan

Mengurus portfolio kami secara aktif dan memperuntukkan modal dengan disiplin untuk menghasilkan pulangan mampan yang baik

MENCAPAI KECEMERLANGAN

Syarikat Portfolio Temasek yang Berpangkalan di Singapura (TPC)

Tunggak utama portfolio kami yang memberikan pulangan stabil, baik dan lestari untuk jangka masa panjang. TPC memberikan pulangan tahunan sebanyak **8.1%**⁷ sepanjang 10 tahun yang lalu.

TPC Terbesar Kami Termasuk:



Memacu Penciptaan Nilai dan Prestasi Cemerlang

- Lembaga Pengarah dan Pengurusan Berkesan
- Transformasi Strategik
- Kecemerlangan Operasi
- Mempercepat Transformasi AI
- Integrasi Kelestarian
- Pengoptimuman Struktur Modal
- Penetapan Kedudukan Pasaran Modal

Pelaburan Langsung Global (GDI)

Melabur dalam syarikat peningkatan berterusan yang berdaya tahan dan peluang pertumbuhan yang lebih tinggi merentasi sektor tumpuan dan pasaran, berpanduan trend struktur. GDI menjana pulangan tahunan sebanyak **7.6%**⁷ sepanjang 10 tahun yang lalu.

Kecerdasan Buatan

6%⁸ daripada portfolio semasa
Sasaran: Sehingga **15%**⁸ menjelang 31 Mac 2031

Infrastruktur Core-plus

1%⁸ daripada portfolio semasa
Sasaran: **5%**⁸ menjelang 31 Mac 2031

Kredit Persendirian

2% daripada portfolio semasa
Sasaran: **5%** menjelang 31 Mac 2031

Sasaran: Pendedahan portfolio sehingga **25%**⁸ kepada bidang-bidang ini menjelang 31 Mac 2031

Sektor yang selaras dengan trend struktur serta strategi serantau:

- Aeroangkasa & Pertahanan
- Pengguna
- Peralihan Tenaga
- Perkhidmatan Kewangan
- Sains Hayat
- Teknologi

Rakan Kongsi, Dana dan Syarikat Pengurusan Aset (PFA)

Membina portfolio aset alternatif untuk mengembangkan modal kami dan mengakses strategi khusus. PFA memberikan pulangan tahunan sebanyak **7.7%**⁷ sepanjang 10 tahun yang lalu.

Rakan Kongsi dan Dana



Syarikat Pengurusan Aset



BERTINDAK DENGAN BETUL

Bertindak dengan Kejelasan, Membina Daya Tahan

Membolehkan institusi berwawasan yang disokong oleh asas yang kukuh untuk portfolio, warga kerja dan planet kita berkembang maju



Organisasi, Bakat & Keupayaan

Memupuk bakat dan membangunkan keupayaan merupakan pemacu teras bagi nilai jangka panjang di seluruh Temasek dan perniagaan yang kami miliki



Pengupayaan Kecerdasan Buatan (AI)

Pendekatan berpusatkan manusia dan dipimpin manusia bagi memperkasakan pasukan dan ekosistem kami untuk memanfaatkan AI



Kelestarian di Teras

Memperkuh daya tahan institusi dan portfolio, serta kekal komited terhadap cita-cita sifar bersih 2050 kami

Membawa Perubahan dalam Komuniti Kami

Melalui Temasek Trust, sumbangan komuniti kami memperkasa Temasek Trust Collective — cabang pengelolaan komuniti utama kami — untuk mencapai objektif komuniti kami. Kami juga memberi sumbangan secara langsung kepada rakan kongsi kami merentasi sektor Awam, Swasta dan Rakyat untuk **memaksimumkan impak modal, rangkaian dan pandangan kami**.

Mencipta Peluang, Membawa Impak



Dana T-Ignite Temasek menyokong Foreword Coffee dalam menubuhkan akademi latihan barista khusus yang pertama di Singapura bagi golongan orang kurang upaya.

Imbas untuk menonton



Memajukan Penjagaan, Mengubah Kehidupan

Temasek Foundation, dengan kerjasama Institut Kesihatan Mental, menyokong ujian klinikal untuk merintis rawatan rangsangan otak persis bagi individu yang mengalami kemurungan rintang rawatan di Singapura.

Imbas untuk menonton



* Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua maklumat kewangan dibentangkan dalam dolar Singapura dan setakat 31 Mac 2026. Angka portfolio bermula tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2016 dan seterusnya telah dinyatakan semula untuk menilai pelaburan tidak tersenarai kami berasaskan MTM. Asas pelaporan kami yang terdahulu menilai pelaburan tidak tersenarai kami pada nilai buku. Asas penilaian tidak berubah untuk pelaburan tersenarai yang dinilai pada harga pasaran, serta dana tidak tersenarai dan pelaburan bersama yang telah dinilai mengikut pasaran.

¹ Setakat 31 Mac.

² Pelaburan tidak tersenarai yang dinilai pada nilai buku, yang merujuk kepada kos pelaburan Temasek ditambah dengan bahagian kami daripada keuntungan atau kerugian syarikat yang dilabur, perubahan dalam rizab ekuiti lain, setelah diolah penurunan nilai aset (jika ada).

³ Setara dengan US\$401 bilion, £350 bilion, £304 bilion dan RM2.77 trilion setakat 31 Mac 2026.

⁴ TSR untuk tempoh 1, 5, 10 dan 20 tahun masing-masing ialah 10.5%, 4.6%, 7.1% dan 6.8% (14.8%, 5.4%, 7.5% dan 8.0% dalam nilai dolar AS).

⁵ Aghian berdasarkan aset pendasar.

⁶ Aghian berdasarkan mata wang denominasi.

⁷ Dalam nilai dolar Singapura. Kadar Pulangan Dalamani ialah pulangan berawajaran wang bagi portfolio pelaburan kami dan mengambil kira masa dan saiz aliran tunai pelaburan.

⁸ Tidak termasuk pendedahan berkaitan Syarikat Portfolio Temasek kami yang berpangkalan di Singapura terhadap AI dan infrastruktur core-plus.

⁹ Pavilion Capital telah digabungkan ke dalam Sevia Capital.



Baca Temasek Review 2026 penuh di temasekreview.com.sg

TEMASEK